

TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PROGRAM PERTANDINGAN DEBAT PIALA NAIB
CANSOLOR UTeM 2012
ANTARA FAKULTI DAN KOLEJ KEDIAMAN

Rabu, 2 Mei 2012, 3.30 petang
Dewan Auditorium Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

1

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
Dan Salam 1 Malaysia.

Terima kasih Pengacara Majlis

A. SALUTASI

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi,
Timb. Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)

Yang Berbahagia Engr. Profesor Dr. Marizan Bin Sulaiman,
Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni UTeM,

2

En. Kamarul bin Amir Mohamed,
Penasihat Kelab Debat dan Pidato UTeM,

En. Zainuddin Bin Ahmad,
Penasihat Sekretariat Pencegah Rasuah UTeM,

En Yazli Bin Mohamed Rahis,
Penasihat Pertandingan Debat Piala Naib Canselor UTeM 2012,

Majlis tertinggi dan AJK Pertandingan Debat Piala Naib Canselor UTeM 2012, presiden-presiden fakulti dan kolej kediaman, mahasiswa, mahasiswi, hadirin-hadirat, dan seterusnya peserta-peserta debat yang diraikan semuanya.

3

A) PEMBUKA KATA

1. Alhamdulillah saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmatNya dapat kita berkumpul bersama di dalam majlis yang amat bermakna ini bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Pertandingan Akhir Debat Piala Naib Canselor UTeM 2012
2. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kelab Debat dan Pidato dan Sekretariat Pencegah Rasuah bersama Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM. Penganjuran Debat Piala Naib Canselor UTeM 2012 adalah

4

julung kali pertamanya diadakan bagi membuka lembaran baru dalam aspek pengucapan awam di universiti ini.

3. Ucapan terima kasih juga kepada semua di atas sokongan secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program yang sudah pasti memberikan manfaat kepada mahasiswa/i semua. Tanpa sokongan yang padu dari anda semua, mustahil apa yang dirancang ini mampu membuahkan hasilnya.

Hadirin yang dihormati,

B) KUPASAN ISI

5

C1.Objektif program

4. Tujuan utama Pertandingan Debat Piala Naib Canselor UTeM 2012 dianjurkan oleh Kelab Debat dan Pidato untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan mahasiswa tentang pengucapan awam. Ia juga dapat membentuk budaya berfikir dan berdebat di kalangan mahasiswa. Sejajar dengan pembentukan sahsiah mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin di masa hadapan dan pastinya isu-isu, dasar-dasar dan polisi merupakan antara perkara utama yang melatari keperibadian mahasiswa/i.

6

5. Untuk makluman hadirin sekalian, pertandingan Debat Piala Naib Canselor UTeM 2012 merupakan program baru yang diperkenalkan. Selaras dengan tema pertandingan kali ini, iaitu “ Mahasiswa Berintegriti Pemangkin Kecemerlangan Negara”, para peserta berupaya untuk mengasah bakat-bakat baru dan mengembangkan idea seterusnya mempertahankan idea-idea mengikut pendirian kumpulan masing-masing sama ada dipihak pembangkang mahu pun kerajaan. Hal ini secara tidak langsung memperkasakan pemikiran kreatif dan intelektual mahasiswa.

Hadirin sekalian,

7

C2.Pembangunan dan kualiti pelajar

6. Mahasiswa harus ingat, cabaran hari ini bukan sahaja untuk melahirkan mahasiswa yang cemerlang, sebaliknya mahasiswa perlu mempunyai kriteria yang telah ditentukan oleh pasaran modal insan di luar sana. Ketika melangkah ke alam pekerjaan, mahasiswa perlu mempunyai pakej yang diperlukan oleh pihak majikan seperti aspek kepimpinan, kemahiran insaniah, kompetensi dan kemahiran komunikasi.
7. Ramai graduan hari ini, mempunyai keputusan yang cemerlang, namun gagal mendepani arus pasaran modal atas kelemahan

8

komunikasi, tidak berkeyakinan dan gagal menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

C3.Debat sebagai membina karakter dan sahsiah pelajar

8. Rutin harian sebagai seorang mahasiswa bukan sahaja menghadirkan diri ke kuliah, perpustakaan serta menghadiri kelas perbincangan. Sebaliknya, mereka juga perlu aktif sama ada dalam aktiviti sukan, badan beruniform dan kokurikulum. Melalui aktiviti koku inilah pengalaman dan aspek kepimpinan yang positif dapat dibentuk.

9

9. Aktiviti debat, misalnya amat membanggakan, kerana tidak semua dari kita mampu berdebat dalam suasana rasmi dan di hadapan orang ramai. Saya melihat bahawa aktiviti sebegini menyumbang potensi yang sangat besar kepada pembinaan karakter mahasiswa. Dari debat, kita dapat melihat cara berfikir, kepantasan menghurai fakta dan idea dalam mematahkan hujah-hujah pihak lawan.

C) PENUTUP KATA

10. Harapan saya kepada anda semua ialah walaupun anda berprogram, tanggungjawab sebagai pelajar yang mengejar

kecemerlangan akademik janganlah diabaikan begitu sahaja. Pada zaman yang serba canggih dan maju masa kini, pencapaian akademik amat penting dalam memastikan anda mendapat tempat yang baik di alam pekerjaan.

Pesanan saya, janganlah anda menggunakan kemahiran berdebat untuk membahaskan isu sensitif dengan memutarbelitkan fakta, Di mana kesannya bukan sahaja dapat mempengaruhi masyarakat malah menjejaskan keharmonian sekali gus kemakmuran negara.

Tahniah diucapkan kepada para peserta debat yang telah bertanding dan menunjukkan bakat. Penyertaan dan kehadiran

11

anda semua, telah menyemarakkan dan memeriahkan lagi pertandingan kali ini. Kepada yang bakal beroleh kemenangan nanti saya ucapkan syabas dan yang tidak menang kita terus berusaha pada tahun akan datang.

Sebelum saya mengundur diri, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kelab Debat dan Pidato dan Sekretariat Pencegah Rasuah. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bersama jawatankuasa terlibat, di atas usaha gigih serta inisiatif menyusun rencana dalam melangsungkan program ini. Saya berharap anda semua menimba pengalaman

12

yang bermakna dalam pertandingan ini. Siapa sahaja yang dinobatkan sebagai juara, tahniah saya ucapkan. Kepada yang tidak menang, jangan berputus asa, usahakan lagi di masa hadapan.

Dengan ingatan itu, maka saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim merasmikan Pertandingan Debat Piala Naib Canselor, UTeM.

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.